

22 JUL 2003

Chirac-Tiba/I

PRESIDEN PERANCIS TIBA BAGI LAWATAN SINGKAT

SEPANG, 22 Julai (Bernama) -- Presiden Perancis Jacques Chirac tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini, hari ini, bagi lawatan singkat ke Malaysia, yang juga merupakan lawatan terulung seorang ketua negara Perancis.

Ketibaan presiden itu di Kompleks VVIP Bunga Raya disambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tengku Datuk Adnan Tengku Mansor.

Pesawat yang membawa presiden berusia 70 tahun itu dan rombongannya mendarat pada pukul 5.30 petang.

Beliau kemudian terus dibawa ke Putrajaya untuk menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan kedua-dua pemimpin dijangka bertukar pandangan mengenai isu-isu dua hala dan antarabangsa.

Dr Mahathir juga akan menyampaikan Anugerah Keamanan Dunia kepada Chirac sebagai mengiktiraf usaha-usaha keamanan yang dijalankan oleh individu atau pertubuhan-pertubuhan di seluruh dunia.

Anugerah itu diperkenalkan oleh Yayasan Keamanan Dunia Malaysia.

Kedua-dua pemimpin itu kali terakhir bertemu di Evian, Perancis awal Jun lepas apabila Dr Mahathir menghadiri Dialog Tidak Rasmi Sidang Kemuncak G8 Bersama Bukan Anggota.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga akan mengunjungi Chirac yang selepas itu akan menghadiri majlis makan malam negara yang dianjurkan oleh Dr Mahathir di kediaman rasminya, Seri Perdana.

Chirac dan Dr Mahathir akan mengadakan persidangan berita bersama sebelum tetamu negara itu berangkat pulang.

Presiden Perancis itu sebelum ini pernah melakukan lawatan peribadi ke Langkawi pada 1997.

-- BERNAMA

RIZ MAM PR